RAMA @ N. JOSEPH CHRISTIE A/L NADESON

lwn.

PENDAKWA RAYA

MAHKAMAH TINGGI, KUALA LUMPUR
DATO' ABDUL AZIZ BIN MOHAMAD H.
[RAYUAN JENAYAH NO 42-35 TAHUN 1991]
22 MAC 1994

UNDANG-UNDANG & PROSEDUR JENAYAH: Tuduhan pecah amanah jenayah - Seksyen 409 Kanun Keseksaan - Rayuan terhadap sabitan kesalahan - Sama ada terdapat pengamanahan dalam kes ini - Sama ada sabitan di bawah s. 409 boleh dikekalkan - Permohonan untuk mengubah tuduhan kepada kesalahan melupuskan barang curi di bawah s. 414 Kanun Keseksaan - Sama ada boleh dibenarkan - Sama ada terdapat bukti untuk sabitan di bawah s. 403 Kanun Keseksaan.

Tertuduh, seorang juruteknik rendah Lembaga Letrik Negara, telah disabitkan di Mahkamah Sesyen atas kesalahan di bawah s. 409 Kanun Keseksaan, iaitu pecah amanah jenayah sejumlah 58 meter "aluminium conductor". Hakim Mahkamah Sesyen berpendapat bahawa tertuduh telah diamanahkan dengan kekuasaan terhadap barang-barang itu semasa barang-barang itu berada dalam stor oleh kerana, sebagai seorang juruteknik, tertuduh ada kebenaran untuk mengeluarkan barang-barang itu.

Hakim yang bijaksana itu juga berpendapat bahawa pecah amanah itu telah berlaku apabila tertuduh memperolehi pengeluaran barang-barang itu dengan mengemukakan borang-borang permintaan palsu dan tertuduh telah dihukum 4 tahun penjara dan denda sebanyak RM10,000. Tertuduh telah membuat rayuan kepada Mahkamah Tinggi.

Diputuskan:

[1] Perayu tidak mempunyai kekuasaan terhadap barang-barang dalam stor itu. Dia tidak mungkin berjaya memperolehi pengeluaran barang-barang itu melainkan dengan kebenaran bertulis, atau apa yang berupa kebenaran bertulis, pegawai yang berkuasa. Keperluan permintaan bekalan untuk membolehkan barang-barang itu dikeluarkan kepadanya menafikan saranan bahawa dia mempunyai kekuasaan terhadap barang-barang itu sebelum dikeluarkan kepadanya.

[2] Jika perayu tidak ada kekuasaan terhadap barang-barang itu semasa dalam stor, dia tidak mungkin telah diamanahkan dengan kekuasaan terhadapnya di peringkat itu. Saranan pihak pendakwa bahawa seseorang pekerja, atas sebab penggajiannya, adalah diamanahkan kekuasaan terhadap kesemua harta-benda majikannya tidak boleh diterima sebagai betul di sisi undang-undang.

[3] Oleh kerana kes pihak pendakwa ialah bahawa perayu telah diamanahkan kekuasaan terhadap barang-barang itu semasa dalam stor, dan proposisi itu gagal, sabitan perayu kerana kesalahan di bawah s. 409 Kanun Keseksaan tidak boleh dikekalkan.

[4] Permohonan pihak pendakwa untuk mengubah tuduhan kepada kesalahan di bawah s. 414 Kanun Keseksaan tidak dapat dibenarkan kerana adalah menjadi perkara kontroversial sama ada barang-barang itu diperolehi dengan menipu. Selain daripada itu sekiranya pertuduhan di Mahkamah Seksyen ialah kesalahan di bawah s. 414, perjalanan kes itu dan pemeriksaan-balas saksi-saksi pihak pendakwa oleh pihak perayu, terutama sekali pemeriksaan-balas penjaga-penjaga stor, pasti akan dilakukan, pada sebahagiannya, dengan pendekatan yang berlainan daripada apa yang telah digunakan.

[5] Namun demikian, walaupun keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwa gagal membuktikan kesalahan pecah amanah jenayah, ia berjaya membuktikan, tanpa keraguan yang munasabah, satu kesalahan di bawah s. 403 Kanun Keseksaan. Perayu, tanpa kebenaran LLN, telah menjual barang-barang kepunyaan LLN kepada orang lain untuk manfaat dirinya sendiri. Dia secara curang telah menukarkan barang-barang itu kepada kegunaannya sendiri.

[Sabitan perayu atas kesalahan di bawah s. 409 Kanun Keseksaan dimansuhkan dan digantikan dengan sabitan kerana kesalahan di bawah s. 403 Kanun tersebut].

Kes yang dirujuk:
Sinnathamby lwn. PP [1948-49] MLJ Supp. 75 ***(dibezakan)***

Perundangan yang dirujuk:
Kanun Keseksaan, ss.403, 409, 410(1), 414, 415, 420

Bagi pihak perayu - M. Puravalen; M/s Shafee & Co.
Bagi pihak responden - Mohd. Hanafiah Bin Zaharia, DPP

ALASAN PENGHAKIMAN

Abdul Aziz bin Mohamad H:

Perayu telah disabitkan di Mahkamah Sesyen atas kesalahan di bawah s. 409 Kanun Keseksaan, iaitu pecah amanah jenayah sejumlah 58 meter **aluminium conductor** bernilai RM74,120 dan telah dihukum empat tahun penjara dan denda RM10,000. Adalah didakwa bahawa dia, atas sifatnya sebagai pengkhidmat awam, iaitu juruteknik rendah Lembaga Letrik Negara ("LLN"), telah diamanahkan kekuasaan **(entrusted with dominion)** terhadap **aluminium conductor** itu. Saya akan merujuk kepada **aluminium conductor** itu sebagai "barang-barang itu".

Barang-barang itu telah dikeluarkan dari stor pusat LLN pada enam hari dalam tahun 1986, iaitu pada 19, 23, 26 dan 30 Julai, 27 Ogos, dan 18 Oktober, atas pengemukaan sejumlah empat belas permintaan bekalan atau **store requisition** yang palsu. Barang-barang yang dikeluarkan pada setiap daripada enam hari itu telah dimuatkan ke dalam sebuah lori swasta dan dihantar pada hari yang sama ke kedai atau pejabat sebuah syarikat di Kajang yang bernama Syarikat Sri Kajang Elektrik Malaysia Sdn. Bhd. Lori-lori yang digunakan untuk membuat enam penghantaran pada enam hari itu telah diaturkan oleh Syarikat Sri Kajang dari satu syarikat pengangkutan yang sama.

Penjaga-penjaga stor yang mengeluarkan barang-barang itu pada enam hari itu, dan juga pas-pas pintu (**gate pass**) untuk membolehkan lori-lori itu keluar dengan barang-barang itu, tidak dapat, menurut mereka, mengecam orang yang mengemukakan permintaan-permintaan bekalan itu dan menandatangani penerimaan barang-barang itu atas borang-borang permintaan itu. Mereka menerima sahaja nombor pekerja LLN yang diberi oleh orang itu tanpa memeriksa identitinya, walaupun mereka berupaya dan patut berbuat demikian.

Pihak responden cuba membuktikan perayulah orang yang telah membawa keluar barang-barang itu pada enam hari itu dengan menunjukkan, me1alui keterangan seorang pemeriksa surat bukti dari Jabatan Kimia, bahawa tandatangan dan tulisan tertentu atas borang-borang permintaan dan pas-pas pintu yang berkaitan adalah tandatangan dan tulisan perayu.

a Keterangan langsung (**direct evidence**) yang mengaitkan perayu dengan peristiwa ini hanyalah keterangan Loo Kim Yew, seorang kontraktor elektrik yang menjalankan Syarikat Sri Kajang itu. Menurutnya, perayu telah bertanya kepadanya sama ada dia berminat hendak membeli **aluminium conductor** yang *b* telah dilelong dan, kerana itu, adalah lebih murah daripada harga pasaran. Loo bersetuju. Maka setiap kali ada bekalan, perayu memberitahu Loo, dan pihak Loo telah membuat pengaturan supaya sebuah lori pergi ke stor pusat LLN Imtuk menerima bekalan itu. Dengan *c* itu, enam penghantaran itu telah dilaksanakan.

Menurut Loo, setiap kali dia sendiri atau wakilnya akan pergi ke stor itu. Perayu akan mengikut lori ke dalam kawasan stor dan membawa barang-barang itu keluar. Loo berkata bahawa perayu telah menyediakan borang-*d* borang permintaan dan membekalkan pas-pas pintu kepada pemandu-pemandu lori. Tentang bayaran, Loo berkata bahawa bayaran dibuat sama ada dengan wang tunai atau dengan cek. Jika Loo sendiri yang pergi ke stor LLN, dia akan membayar perayu di luar kawasan stor, kadang-kadang dalam keretanya. Jika dia *e* sendiri tidak pergi ke stor LLN, dia akan menemui perayu di sesuatu tempat, kadang-kadang di kedai kopi, untuk membuat bayaran kepada perayu, tetapi tidak pernah di pejabatnya. Kesemuanya dia telah membayar kira-kira RM70,000 atau RM80,000 kepada perayu. Tidaklah boleh dipertikaikan bahawa *f* Loo telah mengeluarkan tujuh cek berjumlah RM34,100 pada 19, 23, 26 dan 30 Julai, 17 September, dan 24 Oktober. Dua cek telah dikeluarkan pada 23 Julai. Setiap cek telah ditunaikan pada hari ia dikeluarkan. Di belakang tiga daripada cek-cek itu, iaitu yang dikeluarkan pada 26 Julai, 17 September dan *g* 24 Oktober, nombor kad pengenalan orang yang menunaikan cek-cek itu telah ditulis, kerana cek-cek itu bernilai RM5,000 atau lebih. Nombornya ialah 7971939, iaitu nombor kad pengenalan perayu. Menurut kerani bank yang membuat bayaran atas cek-cek yang bertarikh *h* 26 Julai dan 24 Oktober itu, dia ada menyemak kad pengenalan orang yang hendak menunaikan cek-cek itu. Tidaklah disarankan dalam pemeriksaan-balas bahawa kerani itu tidak mengesahkan bahawa gambar dalam kad pengenalan itu adalah wajah orang yang datang untuk menunaikan cek itu. Mestilah dianggap *i* bahawa kerani itu telah melakukan apa yang

mana-mana kerani bank yang menyemak sesuatu kad pengenalan akan melakukan, iaitu memuaskan hati sendiri bahawa kad pengenalan yang dikemukakan adalah kad pengenalan orang yang membawanya.

Tentang sama ada perayu telah diamanahkan kekuasaan terhadap barang-barang itu, Hakim Mahkamah Sesyen yang membicarakan kes ini berkata begini:

> Keterangan dihadapan Mahkamah menunjukkan bahawa tertuduh adalah seorang juruteknik rendah di LLN di Pejabat Pengurus Kanan Kuala Lumpur Utara. Sebagai juruteknik dia diberi kebenaran mengeluarkan barang-barang dari Setor Pusat. Dengan itu dia adalah diamanahkan dengan kekuasaan (entrusted with dominion) terhadap barang-barang yang tertentu, dalam hal ini pengalir sesalur aluminium, di Setor tersebut.

Nampaknya beliau berpendapat bahawa perayu telah diamanahkan dengan kekuasaan terhadap barang-barang itu semasa barang-barang itu berada dalam stor, iaitu sebelum ia dikeluarkan, oleh kerana, sebagai seorang juruteknik, perayu ada kebenaran untuk mengeluarkan barang-barang itu.

Hakim Mahkamah Sesyen yang bijaksana itu telah menerima keterangan pemeriksa surat bukti itu bahawa tulisan dalam borang-borang permintaan adalah tulisan perayu. Beliau mendapati perayulah yang telah mengeluarkan barang-barang itu dari stor LLN. Inilah apa yang beliau katakan:

> Dengan itu Mahkamah boleh mengambil kesimpulan bahawa tertuduh sebagai seorang yang diamanahkan dengan kekuasaan terhadap barang-barang seperti P1 dan P2 telah dengan tak jujur dan penipuan (dishonestly) mengeluarkan barang-barang tersebut dari setor LLN dan menjualkannya kepada SP14. Akhir kata tertuduh telah mengakibatkan kerugian salah (wrongful loss) kepada LLN dan keuntungan salah (wrongful gain) kepada PW14 ...

Dari petikan itu nampaknya bahawa Hakim yang bijaksana itu berpendapat bahawa pecah amanah itu telah berlaku apabila perayu memperolehi pengeluaran barang-barang itu dengan mengemukakan borang-borang permintaan palsu.

Adalah digesa oleh Peguam bijaksana bagi perayu dalam rayuan ini bahawa keterangan Loo sepatutnya ditimbang dengan berhati-hati kerana dia adalah seorang yang mengambil bahagian dalam kesalahan yang dilakukan.

Saya tidak menafikan kemungkinan Loo mengetahui bahawa barang-barang yang dia beli itu diperolehi dengan cara yang tidak betul, tetapi saya tidak dapat memikirkan apa-apa sebab mengapa dia akan melibatkan perayu secara palsu. Peguamnya sendiri mengakui, apabila menjawab soalan saya, bahawa tidaklah disarankan, misalnya, bahawa Loo membeli barang-barang itu dari orang lain tetapi dengan palsunya menunjuk kepada perayu.

Pemeriksaan-balas Loo pada sebahagiannya bertujuan untuk menunjukkan fikiran salah Loo tentang transaksi membeli barang-barang itu, tetapi tidak secara serius cuba menunjukkan bahawa Loo telah memberi keterangan palsu terhadap perayu. Keterangan tentang nombor kad pengenalan di belakang tiga cek itu membawa kepada implikasi atau kesimpulan yang tidak dapat dielakkan bahawa perayulah yang telah menunaikan tiga cek itu. Kesimpulan itu menyokong keterangan Loo bahawa dia telah membayar tiga cek itu kepada perayu kerana dia membeli barang-barang itu dari perayu. Dia mestilah telah bercakap benar tentang bayaran dengan cek-cek lain dan dengan wang tunai.

Maka saya berpendapat bahawa, atas keterangan Loo sahaja pun, dengan disokong oleh keterangan tentang tiga cek itu, tidaklah ada ruang untuk meragui bahawa barang-barang itu telah dibekalkan kepada Loo oleh perayu dan Loo telah membuat bayaran untuknya kepada perayu. Jika Loo bercakap benar tentang urusan pokok dengan perayu itu, tidak ada sebab mengapa Loo akan berbohong tentang cara menjalankan urusan itu, seperti tentang perayu mengikut lori ke dalam stor dan membawa keluar barang-barang itu, tentang perayu membekalkan pas-pas pintu untuk lori dan borang-borang permintaan, yang Loo sendiri telah nampak apabila dia sendiri pergi ke stor LLN.

Jika perayulah yang telah menjual barang-barang dalam enam penghantaran itu kepada Loo, dan jika Loo, berkaitan dengan beberapa penghantaran itu, melihat peranan yang dimainkan oleh perayu di stor itu, kesimpulan yang tidak dapat dielakkan ialah bahawa perayulah yang telah memperolehi pengeluaran barang-barang itu di stor itu untuk kesemua enam penghantaran itu.

Satu isu utama yang dibangkitkan oleh Peguam bijaksana bagi perayu dalam hujah bertulisnya ialah tentang **reliability** keterangan pemeriksa surat bukti itu yang bertujuan membuktikan bahawa tulisan di atas borang-borang permintaan itu adalah tulisan perayu. Tentang isu itu, memadailah saya berkata bahawa, tanpa keterangn tentang tulisan itupun, keterangan Loo adalah mencukupi untuk membuktikan perayu sebagai orang yang telah mendapatkan barang-barang itu dari stor LLN.

Sekarang saya tiba kepada soal yang penting tentang sama ada terdapat pengamanahan dalam kes ini, yang mana adalah satu lagi isu utama yang dibangkitkan oleh Peguam perayu dalam hujah bertulisnya.

Sebagaimana telah saya katakan tadi, Hakim perbicaraan yang bijaksana itu mendapati bahawa perayu telah diamanahkan kekuasaan terhadap barang-barang itu apabila ia masih berada dalam stor. Di hadapan saya, Timbalan Pendakwa Raya yang bijaksana menegaskan bahawa dari masa perayu diambil bekerja oleh LLN, dia telah, dengan kuatkuasa kontrak perkhidmatannya, diamanahkan kekuasaan terhadap kesemua harta-benda LLN. Menurut Timbalan Pendakwa Raya itu, pecah amanah dalam kes ini dilakukan apabila perayu mengemukakan dokumen-dokumen palsu untuk memperolehi pengeluaran barang-barang itu. Menurut beliau, menjual barang-barang itu kepada Loo merupakan kesalahan lain, mungkin kesalahan melupuskan barang curi.

Saya tidak fikir perayu mempunyai kekuasaan terhadap barang-barang dalam stor itu. Tugasnya bukanlah menjaga barang-barang dalam stor itu. Orang yang ada kekuasaan terhadap barang-barang dalam stor itu adalah penjaga-penjaga stor itu. Perayu tidak bebas untuk melakukan sesuatu kepada barang-barang dalam stor itu. Dia tidak mungkin berjaya memperolehi pengeluaran barang-barang itu melainkan dengan kebenaran bertulis, atau apa yang berupa kebenaran bertulis, pegawai yang berkuasa. Dia hanya akan mendapat kekuasaan terhadap barang-barang dalam stor itu setelah dikeluarkan kepadanya, tetapi tidak sebelumnya, iaitu apabila ia masih dalam stor. Keperluan permintaan bekalan untuk membolehkan barang-barang itu dikeluarkan kepadanya menafikan saranan bahawa dia mempunyai kekuasaan terhadap barang-barang itu sebelum dikeluarkan kepadanya. Jika dia tidak ada kekuasaan terhadap barang-barang itu semasa dalam stor, dia tidak mungkin telah diamanahkan dengan kekuasaan terhadapnya di peringkat itu.

Saranan bahawa seseorang pekerja, atas sebab penggajiannya, adalah diamanahkan kekuasaan terhadap kesemua harta-benda majikannya tidak boleh diterima sebagai betul di sisi undang-undang. Misalnya seorang tukang masak, atas sifatnya sebagai tukang masak, tidaklah boleh dikatakan telah diamanahkan kekuasaan terhadap motokar majikannya. Soal pengamanahan akan bergantung kepada sifat jawatan dan tugas-tugas pekerja itu.

Timbalan Pendakwa Raya yang bijaksana itu menyebut kes *Sinnathamby lwn. PP* [1948-49] MLJ Supp. 75, di mana tertuduh adalah pekerja Jabatan Kerja Raya dan subjek pecah amanah ialah batu dari kuari, tetapi, tidak seperti kes ini, kes itu ialah kes di mana terdapat keterangan bahawa tertuduh berkedudukan untuk membolehkannya menggunakan kekuasaan (**exercise dominion**) terhadap batu itu dan telahpun menggunakan kekuasaan terhadapnya sebelum melakukan pecah amanah mengenainya. Walaupun Thomson, H., tidak secara langsung berkata begitu, saya memahami beliau sebagai berpendapat bahawa jika seseorang pekerja, dalam perjalanan biasa tugasnya di bawah kontrak perkhidmatannya, diletakkan dalam keadaan di mana dia sebenarnya mempunyai kekuasaan terhadap sesuatu harta-benda majikannya, maka dia mestilah dianggap telah diamanahkan kekuasaan terhadap harta-benda itu. Pengamanahan secara implikasi seperti itu tidak boleh terpakai dalam kes ini tentang barang-barang dalam stor itu kerana, sebagaimana saya katakan tadi, perayu tidak mempunyai kedudukan untuk menggunakan kekuasaan terhadap barang-barang itu semasa dalam stor.

Oleh kerana kes pihak pendakwa ialah bahawa perayu telah diamanahkan kekuasaan terhadap barang- barang itu semasa dalam stor, dan saya berpendapat proposisi itu gagal, sabitan perayu kerana kesalahan di bawah s. 409 tidak boleh dikekalkan.

Timbalan Pendakwa Raya menggesa Mahkamah, sekiranya Mahkamah mendapati sabitan di bawah s. 409 tidak boleh dikekalkan,

supaya mengubahnya kepada sabitan kerana kesalahan melupuskan barang curi di bawah s. 414. Beliau menyarankan, memandang kepada s. 410(1), bahawa barang-barang itu adalah barang curi kerana ia adalah barang-barang yang mengenainya penipuan telah dilakukan. Dengan mengambil penipuan dalam s. 410(1) itu sebagai bererti penipuan sebagaimana dimaksudkan oleh seksyen 415, saya enggan mendapati ada kes di bawah s. 414, kerana adalah perkara kontroversial sama ada barang- barang itu diperolehi dengan menipu dan kerana, sekiranya pertuduhan di Mahkamah Seksyen ialah pertuduhan di bawah s. 414 berasaskan penipuan, perjalanan kes itu dan pemeriksaan-balas saksi-saksi pihak pendakwa oleh pihak perayu, terutama sekali pemeriksaan-balas penjaga-penjaga stor, pasti akan dilakukan, pada sebahagiannya, dengan pendekatan yang berlainan daripada apa yang telah digunakan. Kesulitannya dapat dilihat jika ditanya siapakah, menurut keterangan, dibuktikan telah melakukan kesalahan menipu. Kalau ada pun, orang itu ialah perayu, tetapi sekiranya keterangan yang ada membuktikan bahawa perayu telah melakukan penipuan, Timbalan Pendakwa Raya tentu akan menyarankan penggantian sabitan kerana kesalahan menipu, iaitu suatu kesalahan yang, di bawah seksyen 420, membawa penalti yang lebih berat daripada kesalahan di bawah s. 414.

Pada pandangan saya, jika keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwa gagal membuktikan kesalahan pecah amanah jenayah, ia berjaya membuktikan, tanpa keraguan yang munasabah, kesalahan **dishonest misappropriation of property** di bawah s. 403. Perayu, tanpa kebenaran LLN, telah menjual barang-barang kepunyaan LLN kepada Loo untuk manfaat dirinya sendiri. Dia secara curang telah menukarkan barang-barang itu kepada kegunaannya sendiri. Sekiranya pihak perayu menyedari tentang kemungkinan ada kes terhadapnya di bawah s. 403, saya tidak fikir bahawa pemeriksaan-balas saksi-saksi pihak pendakwa akan dilakukan dengan pendekatan yang berlainan daripada apa yang telah digunakan, dan sekiranya perayu telah dipanggil untuk menjawab tuduhan di bawah seksyen 403, saya tidak fikir pembelaannya mungkin berlainan daripada pembelaan yang telah diberi.

Dalam keterangannya, perayu tidak berkata apa-apa untuk menyangkal keterangan Loo. Pembelaannya semata-mata terdiri daripada dakwaan bahawa dia berada di India pada suatu tempoh dalam tahun 1986 dan penafian tandatangan di belakang tujuh cek itu dan atas borang-borang permintaan sebagai tandatangannya.

Tentang perayu berada di India, dia berkata dia telah mengambil cuti tanpa gaji tiga bulan sebelum dia meletak jawatan dalam bulan Disember 1986. Dia telah pergi ke India di antara 1 hingga 10 September 1986 dan telah balik pada hujung November 1986. Untuk tarikh-tarikh cuti dan perletakan jawatan perayu, saya fikir keterangan yang tepat ialah keterangan Mohammad Noor bin Mohd. Sidin, jurutera pembahagian kanan LLN, yang berkata dalam pemeriksaan-balas bahawa, menurut rekod perkhidmatan perayu, perayu telah mengambil cuti selama tiga bulan dari 20 September dan telah meletakkan jawatan pada 1 Disember 1986. Maka perayu tidak mungkin pergi ke India di antara 1 hingga 10 September. Keterangan terhadap perayu yang boleh diharapkan akan dinegatifkan oleh hakikat dia mengambil cuti dari 20 September hanyalah keterangan tentang penghantaran barang-barang itu pada 9 Oktober 1986 dan cek bertarikh 24 Disember. Masih ada lagi keterangan tentang lima penghantaran dan enam cek sebelum 20 September.

Tentang tandatangan di belakang cek-cek itu, apabila diminta menjelaskan tentang nombor kad pengenalan di belakang tiga daripada cek-cek itu, perayu berkata dia telah bekerja dengan beberapa orang kontraktor, termasuk Syarikat Sri Kajang, dan mereka mempunyai rekod tentang dirinya, termasuk nombor kad pengenalannya. Implikasi penjelasan perayu itu ialah bahawa Loo telah mengeluarkan cek-cek itu kepada orang lain yang, setiap kali pada hari yang sama dia menerima cek-cek itu, telah pergi ke bank, setelah mendapat nombor kad pengenalan perayu dari pejabat Syarikat Sri Kajang atau pejabat kontraktor lain, dan bahawa bank yang berkenaan telah menerima nombor kad pengenalan yang diberi oleh orang itu tanpa memeriksa kad pengenalan. Penjelasan itu mestilah ditolak sebagai fantastik.

Dalam ketiadaan apa-apa penjelasan yang boleh diterima tentang terdapatnya nombor kad pengenalan perayu di belakang tiga cek itu, kedudukannya tinggal sebagaimana saya

katakan tadi, iaitu perayu adalah orang yang telah menunaikan tiga cek itu pada 26 Julai, 17 September dan 24 Oktober dan tandatangan di belakang cek-cek itu adalah tandatangannya. Hakikat itu menjadikan mustahil perayu berada di India pada 24 Oktober dan mewajarkan kesimpulan bahawa perayu mestilah orang yang telah menunaikan cek-cek yang lain itu. Kesimpulan ini disokong oleh pakar tulisan yang dipanggil oleh pihak perayu sendiri, yang berkata bahawa tandatangan di belakang cek-cek itu adalah tandatangan orang yang sama. Hakim perbicaraan yang bijaksana itu adalah jelas betul, pada pendapat saya, dalam mendapati pembelaan perayu gagal membangkitkan keraguan terhadap kes pihak pendakwa.

Atas sebab-sebab yang telah saya berikan tadi, saya memansuhkan sabitan perayu atas kesalahan di bawah s. 409 dan menggantikannya dengan sabitan kerana kesalahan di bawah s. 403, iaitu dengan curangnya menukar kepada kegunaannya sendiri barang-barang itu. Tarikh-tarikh dan tempat bagi kesalahan itu adalah sama seperti dalam tuduhan asal. Sekarang saya menjemput hujah tentang hukuman.

RE: ANG AH KANG

MAHKAMAH TINGGI, IPOH
DATO' ABDUL AZIZ BIN MOHAMAD H.
[KEBANKRAPAN NO. 43-1201-88]
1 MAC 1993

KEBANKRAPAN: Permohonan oleh sibangkrap untuk perintah pelepasan - Permohonan disokong oleh Pegawai Pemegang Harta tetapi dibantah oleh pemberi kredit - Samada pemohon perlu memberi alasan yang manasabah - Seksyen 33(3), (10) Akta Kebangkrapan 1967.

Pemohon dalam kes ini, yang telah dihukum bangkrap, telah memohon untuk perintah pelepasan di bawah s. 33, Akta Kebankrapan 1967. Permohonan pemohon mendapat sokongan oleh Pegawai Pemegang Harta tetapi dibantah oleh pemberi kredit. Pada ketika yang material pemohon sudah pun berusia 60 tahun dan antara persoalan yang timbul ialah samada ianya bertentangan dengan kepentingan awam untuk mengekalkan pemohon sebagai seorang bangkrap.

Diputuskan:

[1] Permohonan pelepasan dibuat dalam Borang 48 dalam Kaedah-Kaedah Kebangkrapan 1969 dan borang itu tidak membuat peruntukan untuk menyatakan sebab-sebab dan alasan-alasan dan tidak ada kaedah yang memerlukan sebab-sebab dan alasan-alasan diberi dalam permohonan untuk perlepasan.

[2] Adalah bertentangan dengan kepentingan awam sekiranya sesorang itu terus kekal sebagai seorang bangkrap sedangkan keadaan itu tidak memberi guna kepada sesiapa.

[3] Dengan persetujuan pemohon supaya penghakiman dimasukkan terhadapnya oleh Pegwai Pemegang Harta bagi apa-apa baki hutang yang boleh dibuktikan di bawah kebangkrapan yang belum dijelaskan pada tarikh pelepasan, sebagaimana di peruntukkan dalam subseksyen (10) s. 33 Akta Kebangkkrapan 1967, perintah telah dibuat untuk melepaskan pemohon dengan syarat demikian.

[Bankrap dilepaskan dengan syarat].

Perundangan yang dirujuk:
Akta Kebankrapan 1967, s. 33(3), (10)
Kaedah-Kaedah Kebankrapan 1969
Kanun Keseksaan, ss. 421, 423, 424